

THEY OUTDOOR MODELS

EDWARD WILLIAM CLARKE  
PAULINE MURRAY DETHMERS

2000

Ch. 8992

1100089270

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPD)  
Universiti Malaysia Terengganu



LP 6 FPE | 2012



1100089270

## **IMPAK OUTPUT, MODAL DAN BURUH TERHADAP NILAI TAMBAH DALAM INDUSTRI PEMBUATAN / BADLINA IZIYANI BADROL HISHAM.**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

31030 KUALA TERENGGANU

21050 KUALA TERENGGANU

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH MUR ZAHIAH

**IMPAK OUTPUT, MODAL DAN BURUH  
TERHADAP NILAI TAMBAH  
DALAM INDUSTRI PEMBUATAN**

**BADLINA IZIYANI BINTI BADROL HISHAM  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGAJIAN**

**JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
UMT**

**2012**

## **PENGAKUAN**

Saya akui Kertas Projek (ECO 4998) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

.....  
14 Jun 2012



.....  
BADLINA IZIYANI  
BT BADROL HISHAM  
UK 20854

## **DECLARATION**

I hereby declare that this Project Paper (ECO 4998/9) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

.....  
14<sup>th</sup> June 2012

.....  
BADLINA IZIYANI  
BT BADROL HISHAM  
UK 20854

## PENGHARGAAN

Dalam proses menulis tesis ini, saya telah menghadapi berbagai-bagai kesulitan. Tetapi dengan bantuan, nasihat dan tunjuk ajar daripada pihak tersenarai di bawah telah bersama-sama membawa saya kepada kejayaan dalam penulisan tesis ini. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada **Prof. Dr. Nik Hashim b. Nik Mustapha** selaku penyelia saya yang menunjukkan begitu tabah dalam memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar serta meluangkan masa yang begitu berharga di sepanjang tempoh penyiapan Projek Ilmiah Tahun Akhir dalam program sarjana muda saya di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Teristimewa kepada ahli keluarga saya yang tersayang kerana memberi sokongan dan dorongan yang tidak terhingga sepanjang tempoh pengajian dan penyiapan kerja projek ini. Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dalam tempoh tiga tahun pengajian di UMT kerana telah banyak membantu dan memberikan pandangan dalam menjayakan projek ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah di UMT terutamanya pensyarah Jabatan Ekonomi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Tidak ketinggalan juga kepada jabatan-jabatan universiti serta jabatan-jabatan kerajaan yang telah sudi memberi kerjasama dalam merealisasikan sumber dalam kerja projek ini.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini. Semoga laporan ini dapat memanfaatkan kepada sesiapa yang membacanya.

Sekian, terima kasih.

Badlina Iziyani binti Badrol Hisham  
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)  
Email: [badlina.iziyani@gmail.com](mailto:badlina.iziyani@gmail.com)

## **ABSTRAK**

Matlamat asas kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji faktor pengeluaran utama yang mempengaruhi nilai tambah dalam industri pembuatan. Objektif kajian adalah meneliti impak yang berlaku terhadap output, modal dan buruh terhadap nilai tambah dalam industri pembuatan negara Malaysia. Industri pembuatan yangh menjadi pilihan kerana ianya merupakan industri kedua yang memberi sumbangan terbesar kepada pendapatan nasional. Terdetiknya kajian ini apabila didapati berlaku jurang perbezaan nilai pada nilai tambah idustri pembuatan di Malaysia dalam tahun yang berlainan. Pentingnya nilai tambah dalam sesuatu industri adalah untuk membuktikan juga bahawa pengolahan dalam suatu proses pekerjaan adalah penting bagi mendapatkan penghasilan barang akhir yang mempunyai keuntungan maksimum.

Kata kunci: nilai tambah, nilai output, kos input, buruh, impak nilai tambah.

## **ABSTRACT**

The main purpose of this study is to measure the most influenced main production factors towards value added in manufacturing industry. The main target of this study is to evaluate the impact of output, input (capital) and labor to value added in manufacturing industry in Malaysia. As this sector was chosen is because of its large amount of contribution to National Income. In fact, the difference among the amount of the value added in different time periods in this manufacturing industry leads to this study. We should have known the importance of value added in any work progress in order to gain the best production.

Keywords: value added, output value, input cost, value added impact.